



DOKUMEN SEBUT HARGA 'B' UNTUK BEKALAN / PERKHIDMATAN

DOKUMEN SEBUT HARGA 'B' UNTUK BEKALAN / PERKHIDMATAN

NO. SEBUT HARGA	MPKK.JP/BP(ST)2022(14)
TAJUK SEBUT HARGA	KERJA-KERJA CETAKAN, MEMASANG DAN MENANGGALKAN GEGANTUNG SERTA IKLAN DI STRUKTUR BILLBOARD DAN GEGANTUNG DI BAWAH PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KULIM, KEDAH BAGI TAHUN 2022/2023
KOD BIDANG PENDAFTARAN	(KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA) 222003- BILLBOARD

Bil.	Kandungan	Muka Surat
1.	Notis Sebut Harga	2
2.	Syarat-syarat Am Sebut Harga	3- 4
3.	Surat Akuan Pembida	5
4.	Borang Tawaran Sebutharga 'B'	6

MUSTAHAK

SILA BACA SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA DAN ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA DENGAN TELITI. KEGAGALAN PIHAK TUAN MEMATUHI SYARAT-SYARAT BERKENAAN AKAN MENYEBABKAN SEBUT HARGA TERSEBUT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.



DOKUMEN SEBUT HARGA 'B' UNTUK BEKALAN / PERKHIDMATAN

NO. SEBUT HARGA	MPKK.JP/BP(ST)2022(14)
TAJUK SEBUT HARGA	KERJA-KERJA CETAKAN, MEMASANG DAN MENANGGALKAN GEGANTUNG SERTA IKLAN DI STRUKTUR BILLBOARD DAN GEGANTUNG DI BAWAH PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KULIM, KEDAH BAGI TAHUN 2022/2023
KOD BIDANG PENDAFTARAN	(KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA) 222003- BILLBOARD

NOTIS TAWARAN PELAWAAN

TARIKH TUTUP	16 MAC 2022
MASA	12.00 Tengahari

Sebut Harga adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal yang berpengalaman dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang :**

222003- BILLBOARD

- ✓ Tempoh notis **7 hari** sahaja.
- ✓ Sebut Harga boleh diurus melalui surat, atau emel.
- ✓ Tempoh sahlaku Sebut Harga adalah selama sembilan puluh (90 hari) selepas tarikh tutup sebut harga tersebut.
- ✓ Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca serta ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.



DOKUMEN SEBUT HARGA 'B' UNTUK BEKALAN / PERKHIDMATAN

SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh Penyebut Harga.

1. Pelawaan sekurang-kurangnya di kalangan tiga (3) pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian **Kewangan bertaraf Bumiputera**.

2. HARGA

2.1. Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan. Harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

2.2. Risalah (*brochures*), catalog (*catalogue*) dan lain-lain dokumen hendaklah disertakan dalam Sebut Harga (jika berkaitan). Butiran yang ditawarkan hendaklah dicatatkan dengan terang. Item yang ditawarkan mestilah ditandakan dengan jelas.

2.3. Jenama (*brand*), nombor model (jika ada) dan negara pembuat hendaklah dinyatakan dengan jelas, jika tidak Sebut Harga tidak akan dipertimbangkan.

2.4. Borang sebut harga yang tidak bersih dan dipinda-pinda atau spesifikasi yang diberi dibatalkan, tidak akan diterima.

3. PEMERIKSAAN

MPKK sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan

4. PENERIMAAN BARANG/PERKHIDMATAN

4.1. Penerimaan barang hanya akan dibuat setelah barang-barang diperiksa oleh pihak Bendahari dan/atau wakil-wakil yang telah diberi kuasa.

4.2. Semua barang yang dibekalkan mestilah barang-barang keluaran semasa baru, tulen serta belum digunakan kecuali bagi tujuan ujian mutu di kilang pembuat (*static running*).

4.3. MPKK diberi kuasa berhak membuat penolakan terhadap bekalan barang barang yang rosak atau yang tidak mengikut spesifikasi. Penyebut Harga hendaklah



DOKUMEN SEBUT HARGA 'B' UNTUK BEKALAN / PERKHIDMATAN

menggantikan barang-barang tersebut dan kos yang berkaitan hendaklah ditanggung oleh Penyebut Harga sendiri.

- 4.4 Barang yang dibekal hendaklah dijamin dari kecacatannya semasa penerimaan dibuat dan jika terdapat kecacatan Penyebut Harga hendaklah menggantikannya/membaiki kecacatan dengan percuma.
- 4.5 Barang-barang yang kualitinya rendah ataupun yang berlainan dari yang di Setuju Terima dalam Sebut Harga boleh ditolak.
- 4.6 Apabila diminta, Penyebut Harga hendaklah memindahkan barang-barang yang ditolak itu atas risiko dan perbelanjaannya sendiri dan ia hendaklah membayar balik kepada Majlis Perbandaran Kulim segala perbelanjaan atas barang yang ditolak.

5. BAYARAN

- 5.1 Pembayaran bagi tiap-tiap satu bekalan akan dibuat oleh Jabatan Perbendaharaan Majlis Perbandaran Kulim setelah inbois serta dokumen lengkap diterima oleh Bahagian Perolehan. Bayaran penuh kepada pembekal tidak boleh dianggap sebagai pengakuan bahawa barang-barang itu adalah mengikut kualiti yang dikehendaki.

6. DENDA LEWAT

- 6.1. Jika Penyebut Harga yang berjaya, gagal menghantar barang-barang yang dipesan di dalam tempoh yang dicatatkan di Borang Sebut Harga, maka denda sebanyak 1% daripada nilai barang yang belum dihantar akan dikenakan bagi tiap-tiap minggu atau sebahagian minggu yang lewat tertakluk kepada maksimum 10%.

7. TAWARAN ALTERNATIF

- 7.1. Penyebut Harga hanya boleh memberi satu (1) tawaran sahaja untuk tiap-tiap satu 'item'. (Tawaran pilihan 'alternatif' tidak akan dipertimbangkan).



SURAT AKUAN PEMBIDA

BAGI

KERJA-KERJA CETAKAN, MEMASANG DAN MENANGGALKAN GEGANTUNG SERTA IKLAN DI STRUKTUR BILLBOARD DAN GEGANTUNG DI BAWAH PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KULIM, KEDAH BAGI TAHUN 2022/2023. MPKK.JP/BP(ST)2022(14)

Saya,.....nombor K/P.....yang mewakili.....nombor. Pendaftaran..... dengan ini mengistiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Majlis Perbandaran Kulim atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Majlis Perbandaran Kulim atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

Tandatangan

Nama & No. KP:

Tarikh:

Cop Syarikat:

**DOKUMEN SEBUT HARGA 'B' UNTUK BEKALAN / PERKHIDMATAN**

BIL	PERKARA	KUANTITI	JUMLAH SEUNIT (RM)	KADAR CUKAI PERKHIDMATAN	JUMLAH (RM)
	<i>Untuk diisi oleh Jabatan</i>			<i>Untuk diisi oleh Penyebutharga</i>	
1	<p>KERJA-KERJA CETAKAN, MEMASANG DAN MENANGGALKAN GEGANTUNG SERTA IKLAN DI STRUKTUR BILLBOARD DAN GEGANTUNG DI BAWAH PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KULIM, KEDAH BAGI TAHUN 2022/2023.</p> <p>Jumlah Billboard:</p> <p>i. Bersaiz 10' (Tinggi) X 40' (Lebar) Bahan : <i>Vinly / Canvas Pocket</i> Warna : 720 Dpi</p> <p>ii. Bersaiz 10' (Tinggi) X 30' (Lebar) Bahan : <i>Vinly / Canvas Pocket</i> Warna : 720 Dpi</p> <p>iii. Bersaiz 20' (Tinggi) X 10' (Lebar) Bahan : <i>Vinly / Canvas Pocket</i> Warna : 720 Dpi</p> <p>Gegantung (Banner):</p> <p>i. Bersaiz 4' (Tinggi) X 10' (Lebar) Bahan : <i>Vinly / Canvas Pocket</i> Warna : 720 Dpi</p> <p>Sepanduk (Stremer):</p> <p>i. Bersaiz 2' (Tinggi) X 6' (Lebar) Bahan : <i>Vinly / Canvas Pocket</i> Warna : 720 Dpi</p> <p>Backdrop :</p> <p>i. Bersaiz 8' (Tinggi) X 20' (Lebar) Bahan : <i>Vinly / Canvas Pocket</i> Warna : 720 Dpi</p> <p>Rekabentuk :</p> <p>i. Semua data dan maklumat rekabentuk diberikan oleh pihak Majlis.</p> <p>NOTA :</p> <p>i. Diberi jaminan kualiti/kepujutan warna kain MINIMA Enam (6) Bulan</p> <p>ii. satu (1) lakaran seperti di lampiran</p> <p>Tarikh penyerahan / penyempurnaan Ditawarkan : sebelum 13 Mac 2022</p> <p>(contoh seperti di lampiran)</p>				
JUMLAH KESELURUHAN (RM)					



DOKUMEN SEBUT HARGA 'B' UNTUK BEKALAN / PERKHIDMATAN

Harga yang ditawarkan adalah bersih, dan

Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah.....MINGGU

Saya /Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan barang-barang / perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan
Penyebutharga:.....

Nama dan K/P :.....


Tarikh :.....

Alamat :.....

Syarikat :.....


LAMPIRAN CONTOH

SAIZ PAPARAN IKLAN BILLBOARD DAN LOKASI




**STRUKTUR BILLBOARD DI SIMPANG TIGA,
KELANG LAMA**

SAIZ PAPAN IKLAN BILLBOARD DAN LOKASI (MENEGAK)



Simpang Empat, Taman Selasih

SAIZ PAPARAN IKLAN GEGANTUNG DAN LOKASI



1. Simpang Empat, Taman Selasih
2. Simpang Empat, Paya Besar
3. Simpang Empat Taman Kempas
4. Simpang Padang Serai

NOTA : Iklan Gegantung adalah berdasarkan Program/ Hebahan secara Ad-Hoc (Mengikut keperluan hebahan)

PAPARAN IKLAN LUAR – STESEN SEPANDUK / KAIN RENTANG



SIMPANG EMPAT (4)
TAMAN SELASIH (A)



SIMPANG TIGA (3)
TAMAN KEMPAS/
CENGAL



SIMPANG EMPAT
(4) PAYA BESAR



BERHADAPAN
STESEN BAS
PADANG SERAI



SIMPANG EMPAT (4)
TAMAN SELASIH (B)

**LOKASI-LOKASI YANG DIBENARKAN BAGI MEMPAMERKAN
SEPANDUK DAN GEGANTUNG (STREMER)**

Tempat Sepanduk boleh dipamerkan

1. Persimpangan Lampu Isyarat Jalan Paya Besar (2 unit)	
2. Persimpangan Lampu Isyarat Taman Selasih (2 unit)	
3. Pejabat Cawangan MPKK, Pekan Lunas	
4. Pejabat Pos Padang Serai	
5. Perhentian Bas Padang Serai	
6. Taman Kempas	
7. Di Hadapan Premis	

Jalan-jalan yang dibenarkan untuk pemasangan gegantung

1. Dari Persimpangan Lunas - Padang Serai Sehingga Taman Sejahtera	
2. Dari Simpang Empat Paya Besar Sehingga Taman Kempas	
3. Dari TNB Sehingga Simpang Empat Taman Selasih	
4. Dari Persimpangan Sungai Seluang Sehingga Simpang Paya Besar	
5. Dari Simpang Empat Keladi Sehingga Lampu Isyarat Ke Jalan Tunku Putra	

SYARAT-SYARAT KERJA-KERJA PEMBEKALAN

1. KAEDAH PEMASANGAN

- i. Semua pemasangan PAPAN IKLAN/ SEPANDUK/ GEGANTUNG hendaklah tidak melindungi atau menghalang papan tanda yang sedia ada atau penglihatan pengguna jalan raya yang boleh mengakibatkan kemalangan jalan raya.
- ii. Semua PAPAN IKLAN/ SEPADUK/ GEGANTUNG hendaklah dipasang dengan kemas dan diikat dengan kemas dan ketahanan yang kuat sebagai langkah keselamatan dan tidak menimbulkan risiko bahaya kepada pengguna jalan.
- iii. Pemasangan SEPANDUK/ GEGANTUNG perlulah digantung dengan kemas dan tidak menghalang iklan-iklan pihak lain.
- iv. Pembekal hendaklah memastikan dawai/tali pengikat tidak ditinggalkan di tiang/struktur tempat memasang iklan selepas menurunkan bahan publisiti dan memastikan tiada sisa sampah yang ditinggalkan. Perlu mengemukakan laporan bergambar sebelum pemasangan, semasa pemasangan, dan selepas pemasangan.

2. LOKASI PEMASANGAN

- i. Pemasangan hendaklah dibuat pada tempat yang telah ditetapkan iaitu hanya di stesen gegantung dan billboard di bawah pengurusan Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) yang dibenarkan dan diluluskan sahaja.

3. KUALITI BAHAN CETAKAN

- i. Pembekal hendaklah mematuhi spesifikasi kualiti bahan cetakan yang telah ditetapkan agar paparan pengiklanan tidak mudah luntur, koyak dan rosak.
- ii. Pembekal hendaklah memastikan semua bahan publisiti atau pengiklanan yang telah digantung dipantau dari semasa ke semasa sepanjang tempoh pengiklanan dipamerkan.
- iii. Pembekal hendaklah membuat tindakan pembedulan bagi bahan publisiti yang melurut, tertanggal, terjatuh atau rosak untuk mengelak sebarang risiko kepada orang awam dengan kadar segera.

4. TEMPOH PAPARAN IKLAN

- i. Penggantungan paparan pengiklanan hendaklah dibuat selewat-lewatnya Tujuh (7) HARI sebelum berlangsung program/majlis/aktiviti/hari sambutan perayaan atau peristiwa.
- ii. Semua bahan publisiti (PAPAN IKLAN / SEPANDUK / GEGANTUNG) perlu diturunkan oleh pembekal selewat-lewatnya 3 hari selepas program berlangsung. Manakala bagi iklan billboard adalah mengikut tempoh sambutan perayaan/hari peristiwa.
- iii. Semua bahan publisiti (PAPAN IKLAN / SEPANDUK / GEGANTUNG) adalah milik Majlis Perbandaran Kulim (MPKK). Selepas diturunkan, bahan iklan tersebut perlu dikembalikan kepada pihak majlis untuk tujuan simpanan atau kitar semula.
- iv. Pembekal juga perlu menerima sebarang arahan yang berlaku di luar jangka terutama bagi tempoh kurang daripada 24 jam untuk melaksanakan kerja-kerja mencetak, menghantar atau memasang bahan pengiklanan.

5. PROSES PELAKSANAAN ARAHAN KERJA

- i. Pembekal perlu mendapatkan bahan reka bentuk (design) di pejabat MPKK setiap kali tempahan diberikan tanpa gagal.
- ii. Pembekal perlu mengemukakan sebut harga setelah permohonan arahan kerja diterima dalam tempoh 24 jam untuk MPKK menyediakan dokumen prosedur pembelian iaitu Local Order (LO)- Pesanan Tempatan.

6. LOGISTIK DAN KEMUDAHAN

- i. Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) menasihatkan pembekal supaya memasukkan kos perkhidmatan percetakan, penggantungan dan penurunan bahan publisiti dalam spesifikasi perkhidmatan sebagai membantu keberkesanan penyediaan pembekalan iklan publisiti.
- ii. Sebarang tuntutan kemalangan semasa menjalankan kerja-kerja tidak ditanggung oleh pihak Majlis Perbandaran Kulim.
- iii. Kos penghantaran dan kos tenaga kerja bagi pelaksanaan kerja-kerja perkhidmatan percetakan, penggantungan dan penurunan bahan publisiti perlu ditanggung di dalam kos pembekal.

7. PELAPORAN

- i. Pembekal hendaklah menyediakan laporan gambar sebelum, semasa dan selepas untuk penilai serta pengesahan bahan pembekalan selesai dengan sempurna.
- ii. Penilaian pembekal akan dibuat oleh MPKK pada setiap kali selesai kerja-kerja pembekalan bagi memastikan perkhidmatan mencapai kehendak dan syarat yang ditetapkan.

8. PELANGGARAN SYARAT

- i. Pelanggaran kepada mana-mana syarat ini membolehkan pihak majlis memberi arahan kepada pembekal untuk membuat tindakan pembetulan dan pemulihan.
- ii. Pihak majlis berhak untuk membatalkan pembekal yang telah dilantik sekiranya tidak memenuhi kehendak dan syarat yang ditetapkan sekiranya berlaku pelanggaran arahan sebanyak Tiga (3) kali berturut-turut.

**SENARAI SEMAK SEBUTHARGA (B)*
(BEKALAN / PERKHIDMATAN)**

NO. SEBUTHARGA : _____

Sila tandakan / Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

Bil .	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Penilaian	Untuk Di tanda Oleh Jabatan Bendahari	Catatan
1.	Borang Tawaran Sebutharga 'B'	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	Wajib disertakan
2.	Satu Set Salinan Fotostat Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti di atas dan Sijil Taraf Bumiputera (jika bertaraf Bumiputera)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	Wajib disertakan
3.	Katalog/Brosur	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	Jika berkaitan
4.	Borang Penilaian Sebut Harga 'B' Yang Telah Diisi Dengan Lengkap (Lampiran 2)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	Wajib disertakan
5.	Senarai Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga 'B' (Lampiran 4)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	Wajib disertakan
6.	Bukti Notis Sebutharga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	Wajib disertakan
7.	Surat Akuan Pembida (Lampiran F)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	Wajib disertakan